

DASAR “COUNTERINSURGENCY” GURNEY ASAS PENAMATAN DARURAT : SATU TINJAUAN¹

Zulhilmi bin Paidi
Universiti Utara Malaysia
zul1085@uum.edu.my

ABSTRAK

Darurat diisytiharkan secara rasmi bermula pada tahun 1948 oleh Sir Edward Gent dan telah diisytiharkan berakhir pada 1960 oleh Yang Di Pertuan Agong. Selama 12 tahun pemberontakan bersenjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengakibatkan keadaan huru hara yang tidak terhingga di negara ini. Walau bagaimanapun pemberontakan PKM ini telah menemui kebuntuan dan pada akhirnya terpinggir dari arus perkembangan negara. Kegagalan PKM ini memberi ruang dan jalan untuk penamatan Darurat di Malaya dan sekaligus menikmati kemerdekaan dari pentadbiran British. Kegagalan PKM sering dilihat sebagai isyarat kejayaan dasar pertahanan dan keselamatan yang dilancarkan oleh pihak British dan kemudiannya kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah benar sememangnya secara menyeluruh British berjaya atau ia sebenarnya merupakan kebijaksanaan peranan individu seperti Templer dan dasar pertahanannya. Ataupun jasa Sir Henry Gurney itu sendiri dan hakikat keberkesanan Rancangan Penempatan Semula di bawah Rancangan Briggs yang sebenarnya telah merobek kekuatan PKM. Malahan diakui semua pihak sebahagian besar punca kegagalan PKM ini adalah berpunca dari kegagalan organisasi itu sendiri. Bagaimana pula dengan pemimpin tempatan yang juga turut berperanan membawa perang terhadap PKM ini sebagai perang rakyat Malaya. Justeru itu kertas kerja ini akan cuba melontarkan idea berkenaan dasar counteinsurgency yang telah dijalankan sewaktu pentadbiran Gurney yang telah menjadi asas kepada penamatan Darurat di Tanah Melayu sekaligus kemudiannya membawa negara ke era baru kemerdekaan. Hasil perbincangan kertas kerja ini diharap dapat memberi idea baru tentang hakikat darurat serta pengajaran dan kefahaman yang diberikan.

PENGENALAN

Kemerdekaan negara ini telah diusahakan menerusi pelbagai cara dan melalui jalan yang panjang. 31 Ogos 1957 menjadi titik bersejarah buat negara ini apabila diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu. Kemudian pada 16 September 1963 negara ini mencatatkan sejarah baru apabila Persekutuan Malaysia diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah negara berdaulat. Bermula sejak dari dua tarikh keramat tersebut Malaysia telah bangun menjadi sebuah negara yang maju dengan pesatnya. Di dalam tempoh tersebut pelbagai peristiwa dan halangan telah dihadapi oleh penduduk negara ini. Di antara halangan paling mencabar dan paling pahit dilalui ialah pemberontakan atau revolusi bersenjata yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

Pihak PKM menyedari kekecewaan kaedah sederhana dan hakikat bahawa perjuangan mereka tidak akan berjaya dengan hanya melakukan sabotaj industri dan ekonomi sahaja. Kepimpinan PKM mula menyedari keperluan kepada corak aktiviti yang lebih agresif bagi membantu memenuhi matlamat perjuangan mereka untuk menubuhkan Republik Soviet Malaya. Mereka mula beralih kepada kegiatan bersenjata dan bercorak perang gerila. Setiausaha Agong PKM yang baru, Chin Peng telah mengambil langkah berani dengan

¹ Kertaskerja ini dibentangkan di International Conference on Public Policies and Social Science anjuran Department of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Merbok, Kedah, pada 26 ó27 Mei 2010.

mengisytiharkan perang gerila secara besar-besaran terhadap pentadbiran Inggeris di Malaya. Bermula dengan beberapa siri pembunuhan dan sabotaj ekonomi diseluruh negara pada tahun 1948, kerajaan telah diberi amaran awal oleh pihak perisikan tentang ancaman PKM ini. Walau bagaimanapun amaran ini telah tidak diambil serius oleh pentadbiran yang ada sehingga 16 Jun 1948, apabila 3 peladang Eropah di Sungai Siput telah dibunuh dengan kejam. Ianya adalah permulaan kepada perang gerila oleh PKM yang berlangsung selama 12 tahun. Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Malaya pada ketika itu, Sir Edward Gent, secara rasminya mengisytiharkan Darurat di seluruh Persekutuan Malaya pada 18 June 1948.

Peringkat awal Darurat telah menonjolkan kelemahan Gent dalam menangani krisis pemberontakan PKM dan akibatnya beliau telah dipanggil untuk memberi penjelasan kepada pihak pentadbir di London. Malangnya kapal terbang yang dinaikinya telah terhempas dan menyebabkan kematian beliau. Beliau telah digantikan oleh Sir Henry Gurney, bekas Pesuruhjaya Polis British di Palestin dan telah memulakan perang terhadap pemberontakan PKM. Justeru itu kertas kerja ini akan cuba melontarkan idea berkenaan dasar counterinsurgency yang telah dijalankan sewaktu pentadbiran Gurney dan apakah ia memberi kesan besar sekaligus menjadi asas kepada penamatan darurat di Tanah Melayu. Hasil perbincangan kertas kerja ini diharap dapat memberi idea baru tentang hakikat darurat.

PARTI KOMUNIS MALAYA

Ideologi komunis tiba di Tanah Melayu pada tahun 1920-an terutamanya di sekitar tahun 1925. Imigran Cina telah membawa buku-buku dan risalah-risalah mengenai ajaran komunis dan disebar di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Hasil dari kegiatan mereka, guru-guru dan murid-murid sekolah Cina telah menubuhkan Liga Belia Komunis di Singapura pada tahun 1926. Sehingga 1927, komunis di Tanah Melayu bergerak di sebalik Parti Kuomintang (KMT) kerana wujudnya kerjasama antara Parti Komunis China (PKC) dan KMT di China. Perpecahan KMT-PKC pada tahun 1927 telah menyebabkan PKC menghantar 5 orang wakilnya ke Tanah Melayu. Mereka telah berjaya menubuhkan Parti Komunis Nanyang di Singapura pada tahun 1927. Agen-agen Comintern yang tiba di Tanah Melayu pada tahun 1928 telah mencadangkan supaya Parti Komunis Nanyang disusun semula. Pada 6 April 1930, satu persidangan komunis telah diadakan di Singapura dan hasilnya lahirlah Parti Komunis Malaya (PKM) yang beribu pejabat di Singapura. Sejak ditubuhkan, PKM terpaksa menjalankan kegiatan mereka secara sulit kerana parti ini diharamkan disebabkan kegiatan anti-British yang dijalankan dianggap mengganggu ketenteraman awam. Perkembangan PKM seterusnya menghadapi pelbagai ancaman dari pentadbiran British dan dari masa ke masa pemimpin mereka diberkas.

POLISI DAN STRATEGI GURNEY

Sir Henry Gurney memutuskan bahawa darurat adalah pertentangan diantara dua ideologi iaitu demokrasi dan komunisme, justeru itu ianya adalah peperangan rakyat, dimana rakyat harus diyakini akan pendirian kerajaan adalah lebih baik dari komunisme. Maka oleh itu pasukan keselamatan harus meneruskan sokongan kepada kerajaan dan tidak mengambil alih kawalan terhadap situasi sedia ada. Gurney mengisytiharkan perjuangan menentang pemberontakan PKM harus ditangani dari dua sudut iaitu pertama menerusi sudut ketenteraan dan keduanya menggunakan senjata dari sudut perkembangan sosial, ekonomi dan politik (Miller, 1972).

A) Strategi Ketenteraan

Dari sudut ketenteraan, kemasukan dan kehadiran pasukan keselamatan tambahan telah dilakukan, ini termasuklah 2nd Guards Brigade yang terdiri dari Grenadier Coldstream dan Scots Guards juga tidak ketinggalan penubuhan Ferret Force sebuah unit khas bagi peperangan di hutan yang diketuai oleh bekas pegawai Force 136 dan diselia oleh Rejimen Askar Melayu di bawah Undang-Undang Darurat. Keanggotaannya terdiri dari orang-orang Melayu dan Cina yang akan dilatih oleh Rejimen Askar Melayu yang telah dirancang akan memainkan peranan yang sama dalam perang gerila sepertimana yang dilakukan PKM (Stockwell, 1995). Kehadiran kekuatan tambahan bagi pasukan keselamatan ini sangat penting lebih-lebih lagi Ferret Force sangat berkesan dalam penentang mereka terhadap PKM. Walau bagaimanapun, akibat dari perbezaan pendapat dan polisi, pasukan ini telah ditamatkan tugas hanya selepas beberapa bulan berkhidmat (O'Balance, 1965). Sebagai tambahan pasukan polis juga telah diberikan kuasa untuk menawarkan hadiah bagi sesiapa yang dapat memberikan maklumat sehingga tertangkapnya anggota PKM. Jumlah tawaran hadiah telah meningkat setiap tahun hingga pada tahun 1949, \$763,000 telah dibayar kepada perkhidmatan maklumat ini (Barber, 1972).

Gurney kemudiannya telah memperkenalkan lebih banyak Undang-Undang berkaitan Darurat bagi member lebih banyak ruang kepada kerajaan untuk menahan dan menyoal siasat mereka yang disyaki sebagai agen atau anggota PKM (Miller, 1972) Untuk mengatasi pemberontakan Revolusi Bersenjata Parti Komunis Malaya, maka kerajaan telah menggubal suatu undang-undang Darurat. Undang-undang Darurat diluluskan oleh kerajaan pada 7 Julai 1948. Mengikut undang-undang tersebut pihak kerajaan diberi kuasa untuk bertindak mengharamkan parti-parti atau pertubuhan-pertubuhan berhaluan kiri untuk menghalang mereka daripada terlibat dalam kegiatan-kegiatan komunis. Pihak kerajaan juga menangkap tanpa bicara iaitu sesiapa yang dianggap mengganggu atau menggugat keamanan dan keselamatan negeri akan dibuang negeri ke tempat lain. Pihak kerajaan juga mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa yang bersubahat dengan komunis, membawa senjata-senjata secara haram, menakutkan orang ramai dan membantu pihak komunis seperti membekalkan makanan, ubat-ubat, senjata dan maklumat-maklumat dan lain-lain. Berikutan undang-undang Darurat ini, Parti Komunis Malaya diharamkan oleh pihak kerajaan pada bulan Julai 1948. Parti-parti berhaluan kiri seperti PUTERA dan lain-lain dihalang bergerak bebas di Tanah Melayu. Hasil daripada pelaksanaan undang-undang Darurat, seramai 6,000 orang telah ditahan oleh pihak kerajaan pada tahun 1949. Pada tahun 1950, kira-kira 7,000 orang yang dianggap berbahaya dihantar pulang ke negara China.

B) Sekatan Jalan

Semasa Darurat, sekatan jalan dapat dilihat di tiap-tiap jalan utama yang melalui tempat-tempat kediaman. Tugas sekatan jalan biasanya dipegang oleh pasukan tentera dan pasukan keselamatan. Sekatan dikatakan amat penting dalam mengawal pergerakan pengganas-pengganas komunis dan orang ramai. Tindakan yang diambil oleh kerajaan British ini bertujuan memastikan keselamatan rakyat di tempat-tempat kediaman masing-masing. Selain itu, kerajaan dapat menyekat pengganas-pengganas komunis daripada mendapat bekalan makanan dan melarang orang ramai membekalkan makanan kepada mereka. Sesiapa yang disyaki pengganas-pengganas tidak akan dibenarkan bergerak bebas di perjalanan antara

tempat kediaman dan hutan. Tindakan ini telah menyukarkan pegganas-pegganas komunis daripada mendapat bekalan makanan. Pergerakan mereka juga mengalami kawalan yang ketat apabila keluar dari hutan.

Sekatan jalan yang diadakan di merata-rata tempat kawasan penempatan rakyat telah berjaya menangani masalah pegganas-pegganas komunis dalam mengganggu ketenteraman masyarakat yang semakin serius. Ia merupakan salah satu strategi yang bukan ketenteraan yang diperkenalkan oleh kerajaan British. Akhir kata, sekatan jalan ialah satu faktor yang memberikan kemenangan kepada kerajaan British dalam memerangi PKM.

C) Pasukan Keselamatan

Semasa darurat, kerajaan bertanggungjawab mengenai kempen menentang pemberontakan komunis. Pasukan polis adalah alat utama dan terpenting dalam memelihara serta mempertahankan pihak berkuasa awam/pentadbiran awam. Sementara itu, Angkatan Tentera (kemudian dibantu oleh *Home Guard*) diminta membantu kerajaan awam untuk memerangi PKM. Pada tahun pertama kempen menentang komunis dijalankan, Angkatan Tentera telah memberi bantuan dan sokongan secara tidak langsung kepada polis dan diletakkan di bawah kawalan polis. Doktrin kawalan awam ini dimulakan oleh Pesuruhjaya Tinggi mulai pertengahan tahun 1949 dan beliau menegaskan bahawa Pesuruhjaya Polis bertanggungjawab ke atas keseluruhan operasi yang dijalankan oleh polis dan tentera. Untuk mendapatkan keyakinan tentera ia mestilah diberi pegawai kanan yang cukup untuk membantu merancang dan menjalankan operasi.

Keadaan ini sering mencetuskan pertelagahan di antara Komender Polis dengan tentera di semua peringkat. Perkara ini menjadi semakin serius apabila kekuatan Angkatan Tentera semakin besar. Mekan pada pertengahan 1950, satu sistem kawalan bersama telah diwujudkan dengan menyertakan pentadbiran awam sebagai pihak ketiga dalam usaha memerangi komunis. Sistem kawalan yang istimewa ini dinamakan Jawatankuasa Eksekutif Perang. Penubuhan jawatankuasa ini melibatkan jabatan kerajaan di semua peringkat kerana pasukan keselamatan menyedari bahawa setiap fungsi kerajaan turut terlibat oleh pemberontakan komunis. Justeru, tindak balas yang berkesan memerlukan penglibatan jabatan kerajaan yang berkenaan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan pada bulan Jun 1950, diperingkat persekutuan dikenali sebagai Majlis Gerakan Darurat, diperingkat negeri sebagai Jawatankuasa Eksekutif Perang Negeri, dan di peringkat daerah sebagai Jawatankuasa Eksekutif Perang Daerah. Setiap jawatankuasa mengandungi jawatankuasa kecil operasi yang dianggotai oleh pegawai kanan awam, polis dan tentera yang mengendalikan urusan perang harian mengikut dasar jawatankuasa ini untuk memastikan wujudnya integrasi sepenuhnya dalam usaha memerangi komunis dan adanya tindakan yang berterusan oleh pasukan keselamatan bagi menyokong kerajaan awam. Bagi memastikan dasar yang digariskan dengan rancangan itu berjalan lancar, kerajaan membentuk Majlis Perang Persekutuan di peringkat persekutuan, Jawatankuasa Eksekutif Perang Negeri di peringkat negeri dan Jawatankuasa Eksekutif Perang Daerah di peringkat daerah.

Pada mulanya Majlis Perang Persekutuan ini dipengerusikan oleh Pengarah Operasi dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera

dan Ketua Polis Negara. Kemudian majlis ini diperbesarkan keanggotaannya dengan menambah dua orang wakil orang Melayu, seorang mewakili kaum Cina dan seorang mewakili peladang-peladang Eropah. Pesuruhjaya Tinggi bertindak sebagai Pengerusi Majlis Persekutuan. Di peringkat negeri Jawatankuasa Eksekutif Perang Negeri dipengerusi oleh Menteri Besar atau penasihat British di negeri-negeri Melayu dan Suruhanjaya Residen di negeri-negeri Selat, sedangkan Ketua-ketua Polis Negeri dan Ketua-ketua Tentera Tempatan sebagai anggotanya. Di peringkat daerah Jawatankuasa Eksekutif Perang Daerah dipengerusi oleh Pegawai Daerah dengan Ketua Polis Daerah, Ketua Cawangan Khas dan Pegawai Tentera Tempatan sebagai anggotanya.

D) Perisikan

Perisikan amat penting dalam gerakan *counterinsurgency* terhadap komunis. Semasa darurat bermula, badan perisikan yang wujud ketika itu, Malayan Security Service (MSS), begitu kecil dan berkurangan kakitangan. MSS dibentuk sebaik sahaja Inggeris mengambil alih Tanah Melayu daripada tangan Jepun. Ia berfungsi sebagai sebuah badan *quasi-independent* dan menjadi sebahagian daripada pasukan polis, namun peranan dan tanggungjawabnya tidak jelas. Akibatnya, sering berlaku pertelagahan, antaranya dengan Jabatan Siasatan Jenayah Polis (CID). Sebaik sahaja darurat diisytiharkan MSS pun dibubarkan. Tugas perisikan dilaksanakan oleh CID. Walau bagaimanapun, CID lebih menumpukan tugas dan tanggungjawabnya untuk membasmi dan menyiasat jenayah. Kekurangan pegawai dan anggota menyebabkan CID tidak dapat menjalankan tugas risikan dan menghasilkan maklumat taktikal yang diperlukan. Langkah menambah kenaggotaan CID begitu lambat dan dua peranan (jenayah dan perisikan) yang dibebankan kepadanya juga turut menjejaskan keberkesannya.

Pada bulan Ogos 1950, ekoran cadangan sekumpulan pengkaji yang dilantik oleh Pengarah Gerakan, seorang pegawai perisikan yang berpengalaman dilantik mengetuai badan perisikan, iaitu Guy C. Madoc. Beliau membuat perubahan yang radikal dan teliti ke atas badan perisikan yang kemudiannya dinamakan Cawangan Khas. Model badan perisikan British iaitu badan perisikan yang dinamakan M15 dan M16 digunakan dalam menyusun peranan, tanggungjawab dan cara operasi Cawangan Khas. Kemudiannya Cawangan Khas menjadi sebahagian pasukan polis. Ia adalah satu-satunya organisasi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul maklumat, mencerakin, menilai dan menyebarkan hal-hal maklumat keselamatan kepada pihak-pihak tertentu.

Bagi memperoleh maklumat keselamatan yang tepat, penyusupan mesti dilakukan ke atas organisasi PKM. Inilah sasaran utama SB bilamana ianya disusun semula. Dengan itu perkembangan perisikan seterusnya serta perancangan dapat dilakukan terhadap PKM. Sementelahan pula PKM tidak mempunyai radio, sedangkan komunikasi secara *courier* mudah dikesan dan eksploitasi sepenuhnya oleh SB. Sebagai sebuah badan perisikan, SB turut memainkan peranan dengan cemerlang semasa darurat. Kejayaannya membuat penyusupan ke dalam organisasi PKM di semua peringkat membolehkan segala maklumat mengenai parti itu diketahui. Segala maklumat itu kemudiannya dipergunakan untuk merancang tindakan ke atas PKM.

POLISI UMUM SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK

A) Sistem Kad Pengenalan

Kerajaan British tergendala dalam mengenal pasti identiti pengganas-pengganas komunis apabila mereka tercampur dengan penduduk-penduduk tempatan. Keadaan ini telah memudahkan PKM meluaskan pengaruhnya di kalangan rakyat. Untuk mengelakkan percampuran yang sedemikian kerajaan British memperkenalkan satu sistem yang dapat mengenalkan pengganas-pengganas iaitu sistem kad pengenalan. Tujuan sistem kad pengenalan ini adalah untuk mengasingkan rakyat daripada pengganas-pengganas komunis. Kad pengenalan ini mengandungi identiti seseorang rakyat. Gerakan ini merupakan kesinambungan kepada gerakan kelaparan yang dianjurkan British. Melalui sistem ini, semua penduduk berumur lebih dari 12 tahun akan diberikan kad pengenalan.

Selain itu, kerajaan dapat mengenalkan identiti seseorang pengganas komunis apabila pengganas tersebut tidak dapat menunjukkan kad pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada rakyat. Sistem ini juga memudahkan pasukan keselamatan dalam mengelakkan pengganas daripada mengancam keselamatan di sesuatu tempat kediaman. Oleh sebab itu, setiap rakyat yang berumur 12 tahun dan ke atas diwajibkan mempunyai kad pengenalan dan harus dibawa bersama. Sesiapa yang tidak berpengenalan akan dianggap sebagai pengganas komunis dan mengalami risiko dalam operasi pemburuan yang menangkap pengganas-pengganas komunis.

Sistem kad pengenalan ini telah memainkan peranan yang amat penting dalam membanteraskan kegiatan keganasan ahli-ahli PKM. Sistem ini telah memutuskan perhubungan pengganas-pengganas komunis dengan orang ramai untuk mendapat bekalan makanan dan maklumat yang diingini. Sistem kad pengenalan ini juga merupakan asas kepada sistem kad pengenalan pada masa kini. Kad pengenalan begitu penting sehingga keselamatan dan keharmonian masyarakat juga dipengaruhi. Penjenayah-penjenayah kini dapat dikenalpastikan tanpa kad pengenalan. (Rohani, 2008)

B) Rancangan Briggs

Rancangan Briggs dilancarkan oleh Sir Henry Gurney di Persekutuan Tanah Melayu pada pertengahan tahun 1950. Pengarah operasi yang bertanggungjawab ialah Leftenan Sir Harold Rowdon Briggs. Rancangan Briggs merupakan tindakan oleh kerajaan jajahan British untuk menyekat bekalan makanan serta ubat-ubatan daripada PKM yang pada masa itu berniat menguasai persekutuan. Harold Rowdon Briggs merupakan Direktor Operasi yang dipanggil untuk melaksanakan rancangan ini. Beliau telah memainkan peranan penting dalam memberikan penamatan darurat di Tanah Melayu. Katanya, menempatkan penduduk Cina di kawasan setempat kemudian menempatkan pos kawalan keselamatan adalah satu cara yang dapat memutuskan hubungan antara PKM ini dengan penduduk tempatan.

Rancangan Briggs merangkumi tindakan memindahkan penduduk Cina di kampung baru. Selain itu, rancangan lain dalam Rancangan Briggs ialah gerakan kelaparan, mengukuhkan bidang perisikan dan menyediakan pasukan Home Guard.

i) Penempatan Semula

Penempatan semula setinggian Cina sebagai faktor terpenting bagi memberkesankan rancangan memerangi komunis bukanlah satu gagasan baru. Kerajaan telah mengkaji masalah setinggian Cina ini sejak September 1948 lagi. Berikutan dengan itu, sebuah kertas perancangan telah disediakan namun apabila pihak-pihak berkuasa yang mempunyai kuasa autonomi ke atas tanah diminta bekerjasama menjayakan rancangan itu, maka mereka memberi jawapan yang menyebabkan rancangan itu tidak dapat dijalankan. Akan tetapi, apabila undang-undang penempatan berkesan dibuat dalam Peraturan Darurat dan keadaan keselamatan menjadi bertambah buruk, maka pihak berkuasa negeri akhirnya memberi persetujuan bagi menjayakan program pemindahan dan penempatan semula secara besar-besaran dan seberapa segera. Rancangan Briggs ini terdiri daripada tindakan memindahkan penduduk Cina dari kawasan-kawasan terpencil yang bertaburan dan menempatkan mereka di kawasan penempatan semula supaya tidak di ugut oleh õMin Yuenö untuk memberi maklumat dan bekalan makanan serta ubat-ubatan.

Penempatan semula ini mulanya memberi fokus kepada penduduk Cina yang tinggal bertaburan di pinggir-pinggir hutan atau perkampungan ke satu kawasan yang boleh dikawal. Ia dilaksanakan melalui undang-undang penempatan dalam Peraturan Darurat (Emergency Regulations). Penempatan semula ini melibatkan lebih 650,000 penduduk dengan ditempatkan ke 600 penempatan baru yang dikenali sebagai Kampung Baru. Proses penempatan ini telah memakan masa selama empat tahun dengan belanja AS\$44.3 juta (Arkib Negara Malaysia).

Bagi pekerja ladang getah dan lombong bijih yang tinggal berselerak dan akan memudahkan komunis mendominasi mereka, juga dipindahkan dan dikumpulkan di satu tempat bukanlah bercorak pertahanan. Tujuan utamanya ialah untuk menubuhkan jaringan yang kukuh, pangkalan-pangkalan yang boleh dilindungi dengan berkesan untuk menghalang komunis berhubungan dengan rakyat serta memaksa mereka bergerak ke utara. Penduduk penempatan semula diberi banyak kemudahan seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan, tempat tinggal serta bekalan elektrik dan air paip. Pada tahun 1949, Persatuan Cina Malaya (MCA) ditubuhkan. Persatuan ini banyak membantu usaha kerajaan menempatkan semula orang Cina. Dengan rancangan ini, kerajaan menjangka PKM akan mengalami berbagai-bagai kesulitan seperti kesulitan mendapatkan bahan-bahan makanan, alat-alat senjata dan sebagainya. Dalam pada itu, mereka diharapkan kecewa dalam perjuangan mereka dan akan keluar menyerah diri beramai-ramai.

Pasukan õHome Guardö merupakan antara kesinambungan kepada penempatan kampung baru di Tanah Melayu, ia juga telah wujud sebelum penempatan kampung baru yang diwujudkan oleh Briggs lagi, tujuan utamanya adalah satu iaitu sebagai badan yang duduk dibawah pasukan polis yang ditubuhkan secara khidmat sambilan yang menjaga kawasan kampung dan kawasan ladang-ladang. Pada era Sir Harold Briggs sebagai Direktor Operasi, beliau telah memperbesarkan pasukan ini di bawah rancangan kampung baru bagi menjaga kampung-kampung tersebut (Osman Mamat, 1981). Pasukan ini diletakkan dibawah Jabatan Pertahanan Awam Persekutuan. Mereka telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya menjaga 71 kampung baru pada waktu itu.

Secara umumnya tugas yang dijalankan oleh Pasukan Home Guard ialah mengawal kampung-kampung lama atau kawasan pengumpulan dan penempatan semula termasuk Kampung Baru. Mereka juga ditugaskan untuk mengawal kawasan strategik seperti tempat simpanan senjata api, kawasan perlombongan dan estet. Anggota pasukan ini juga membantu polis mengadakan sekatan jalan raya dan memeriksa kad pengenalan penduduk serta menjalankan operasi penapisan di tempat-tempat awam seluruh negara agar segala keperluan asas seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian dan peralatan senjata tidak sampai ke tangan komunis.

Pasukan Home Guard ini telah menjadi sayap kanan kepada pasukan tentera tetap dalam usaha mengekalkan kekuasaan dari terjatuh ke tangan komunis. Bagi kawasan Kampung Baru, anggota Pasukan Home Guard adalah terdiri daripada petugas sepenuh masa. Mereka membantu pasukan keselamatan, polis dan SC (Special Constable) memeriksa kad pengenalan dan bekalan makanan yang dibawa oleh penduduk yang keluar masuk ke kawasan Kampung Baru tersebut. Pada peringkat awal mereka tidak dibekalkan dengan senjata. Mereka hanya ditugaskan untuk mengawal kawasan yang berpagar dengan kawat duri daripada didatangi orang yang disyaki, terutamanya ejen komunis. Setelah mereka benar-benar didapati jujur dan boleh dipercayai barulah mereka dilengkapi dengan senjata api (Ho Hui Ling, 2005). Setelah Darurat tamat pada tahun 1958 (sepenuhnya pada tahun 1960), Pasukan Home Guard telah dibubarkan.

ii) Penyusunan Pasukan Keselamatan

Rancangan Briggs menjadi satu titik permulaan terhadap dasar pembesaran organisasi kepolisian yang drastik di mana menyaksikan satu pasukan khusus dibentuk dan dilatih khas bertujuan menumpaskan pihak komunis. Diakui, pengaruh PKM dapat merebak disebabkan oleh kelemahan pasukan pertahanan Tanah Melayu. Melalui rancangan Briggs, pemulihan pasukan polis dan penyusunan semula badan perisik mula diadakan bagi menangani komunis (Osman Mamat, 1981).

Pasukan polis di Tanah Melayu mula diperluaskan iaitu pasukan kawalan mula diwujudkan, misalnya pasukan polis khas. Pasukan ini diwujudkan bertujuan menjaga ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah di Tanah Melayu daripada gangguan pengganas komunis. Bilangan anggota pasukan pertahanan di Tanah Melayu pada masa tercetusnya darurat tahun 1948 adalah kecil. Pada akhir tahun 1949, kerajaan telah menambah kekuatan pasukan polis menjadi seramai 47,000 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,000 adalah daripada pasukan polis biasa manakala selebihnya daripada pasukan polis khas. Oleh itu, melalui rancangan Briggs, bilangan anggota pertahanan dan keselamatan mulai ditambah bagi menumpaskan pihak komunis. Pasukan Kawalan Kampung juga turut diwujudkan bagi menjaga dan melindungi penempatan penduduk.

Pasukan gerakan am yang dahulunya dikenali sebagai polis hutan telah ditubuhkan ekoran peranan besarnya dalam menerajui perjuangan menentang insurgensi yang dilancarkan oleh pengganas komunis semasa darurat 1948-1960. menerusi rancangan Briggs, Pasukan ini dilatih khas dalam taktik peperangan gerila malahan sangat efektif sekiranya digerakkan dalam jumlah yang kecil. Pada awal penubuhannya ia dikenali sebagai 'Jungle Squad' dan kemudiannya ditukar kepada 'Jungle Company' sebelum disusun semula pada tahun 1953

dengan nama baru iaitu Pasukan Polis Hutan. Tugas mereka ialah membekalkan anggota menentang penganas komunis di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dan juga turut menjalankan operasi-operasi tertentu dalam Rangka Keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.

Selain itu, dalam situasi melawan gerila, perisikan juga menjadi satu alat terpenting bagi menangani pihak musuh iaitu sebagai kunci gerakan menentang penganas komunis. Pada awal zaman darurat, badan perisikan Malayan Security Service (MMS) telah diadakan. Walaubagaimanapun, bilangannya amat kecil dan kekurangan kakitangan. Badan ini dikatakan sering bercanggah dengan peranan Jabatan Siasatan jenayah (CID). Seterusnya bagi menyelesaikan masalah ini maka badan perisikan Malayan Security Service (MMS) telah dibubarkan dan segala tugas-tugas perisikan diserahkan kepada bahagian badan perisikan CID. Peranan pasukan perisik dengan dibantu oleh undang-undang dan Peraturan Darurat 1948 itu, sedikit sebanyak telah melemahkan kegiatan komunis.

Oleh itu, untuk kepentingan darurat maka pada Ogos 1948, Malayan Special Branch (MSB) telah ditubuhkan, sebagai salah satu bahagian dari Criminal Investigation Division (CID). Penubuhan ini berlaku kerana, CID lebih banyak memberi tumpuan kepada tugas siasatan dan membasmi jenayah. Oleh hal yang demikian, bagi mengatasi masalah ini maka Pengarah Gerakan telah melantik Guy C. Madoc mengetuai pasukan badan perisikan tersebut yang dinamakan Cawangan Khas (Malayan Special Branch). Briggs kemudiannya telah meletakkan dan menjadikan cawangan MSB dan CID di peringkat negeri dan di peringkat daerah. Hal ini bertujuan memastikan perjalanan siasatan lebih lancar dan tumpuan mengawal aktiviti keganasan komunis dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pasukan perisik iaitu badan siasatan cawangan MSB dan CID mempunyai kuasa dalam soal menyelidik, mengumpul bukti, menyoal pesalah, mengklasifikasi, menilai, dan menjalankan usaha-usaha yang dianggap perlu bagi tujuan mendapatkan maklumat mengenai penganas. Anggota-anggota MSB dan CID turut menjadi anggota tidak rasmi di dalam State Working Executive Committee (SWEC) dan District Working Executive Committee (DWEC) untuk menentang pihak komunis. Mereka turut bertindak menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan komunis dan melaporkan hal-hal yang berkaitan dengan kegiatan komunis kepada pasukan mereka. Saluran maklumat amat penting bagi usaha menangkap penganas di sesebuah kawasan. Kawalan yang rapi dan teliti sangat perlu bagi memastikan pelancaran operasi menentang dan memburu penganas komunis. Dengan wujudnya badan siasatan ini maka ia mampu menimbulkan kesukaran di kalangan agen-agen komunis untuk mendapatkan bekalan makanan.

Di samping itu, pakar-pakar bahasa Cina turut disediakan bagi MSB dan CID ini iaitu bertujuan membanteras kegiatan komunis di Tanah Melayu. Walaupun jumlah mereka agak kecil, misalnya pada tahun 1954 jumlahnya hanya 459 anggota sahaja, namun kecekapan mereka tidak dapat diragui. Mereka amat tangkas dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan kumpulan komunis ini. Oleh sebab itu, MSB dan CID dikatakan menjadi asas utama kepada pentadbiran tentera dan awam di dalam usaha membanteras komunis di Tanah Melayu. Kedua-dua organisasi tersebut bertanggungjawab dalam proses mendapatkan maklumat-maklumat rahsia berkaitan dengan aktiviti dan pergerakan komunis di Tanah Melayu. Pakar-pakar bahasa Cina akan turut menjadi perisik dan dalam masa yang sama mengumpul maklumat berkaitan penganas komunis.

iii) Operasi Kebuluran / Gerakan Kelaparan

Meskipun pasukan keselamatan telah diperkuatkan, namun tindakan ketenteraan secara langsung untuk menghapuskan komunis kurang berjaya. Ini kerana kumpulan komunis tidak bertempur secara berdepan. Tetapi mereka menjalankan tindakan secara gerila. Gerakan Kelaparan merupakan kesinambungan dari rancangan penempatan Briggs. Gerakan ini dilakukan bagi melumpuhkan usaha MinYuen daripada pihak PKM. Rancangan ini melibatkan penyelarasan dan kerjasama di antara pegawai-pegawai perkhidmatan awam, polis, dan tentera. Oleh itu, satu Jawatankuasa Kerja pada peringkat kebangsaan, negeri, dan daerah telah ditubuhkan. Di peringkat daerah, biasanya Pegawai Daerah yang menjadi pengerusi dan bertanggungjawab untuk menghapuskan ancaman komunis di kawasannya.

Semua anggota polis di penempatan semula yang terlibat dalam Rancangan Briggs perlu memastikan bahawa segala keperluan asas seperti bahan makanan, ubat-ubatan, pakaian serta senjata tidak diberikan kepada pihak komunis. Pada masa ini, penduduk terpaksa mengikat perut kerana makanan dicatu dan cukup bagi satu keluarga sahaja. Penderitaan ini menimbulkan kesedaran kepada penolakan PKM dalam masyarakat Cina. Operasi kebuuran atau gerakan kelaparan ini cuba ditentang dengan hebat oleh komunis. Rancangan itu memperlihatkan kejayaan bilamana penganas komunis di hutan mengalami kekurangan makanan sehingga memaksa mereka keluar dari hutan untuk mencuri, merampas dan merompak secara terbuka. Ada pula di antara mereka yang cuba bercucuk tanam di dalam hutan turut kecewa apabila tanaman mereka dimusnahkan oleh tentera yang menyemburkan racun ke atasnya melalui kapal terbang. Pada akhir tahun 1953, PKM mengalami kebuluran. Mereka cuba berbaik-baik dengan Orang Asli untuk mendapat bekalan makanan. Akan tetapi, kerajaan bertindak segera meletakkan Orang Asli di bawah perlindungan dan pengawasan kerajaan untuk menghalang penganas komunis mempergunakan mereka.

Bagi mengatasi kekurangan bekalan makanan yang semakin mendesak dan mengelakkan anggotanya kebuluran, PKM terpaksa bertindak memecahkan tentera gerilanya menjadi unit-unit kecil yang kemudiannya digabungkan dengan Min Yuen. Langkah ini dilakukan untuk mempermudah pergerakan mereka dan melancarkan serangan kacau ganggu. Dalam percubaan PKM mengalihkan perhatian pasukan keselamatan dari menumpukan tugas utama dengan harapan menggagalkan rancangan ini. Enam puluh peratus daripada tindakan mereka ditumpukan kepada kegiatan mencuri kad-kad pengenalan, memotong talian telefon, melepaskan tembakan liar di kawasan penempatan/perkampungan baru dan keganasan lain bercorak kecil-kecilan.

iv) Penubuhan MCA

Selepas tahun 1948, British telah memperkenalkan polisi baru iaitu menggalakkan penubuhan parti-parti politik sebagai tempat berpolitik bagi orang-orang bukan Melayu. Sebelum itu, British tidak memberi peluang langsung kepada orang bukan Melayu memainkan peranan dalam politik. Oleh sebab itu juga, parti Democratic Union (1946-1948) dan kesatuan Pan-Malayan Council of Joint Action (1947-1948) tidak dapat memainkan peranan politik dengan baik di Tanah Melayu.

Oleh sebab ancaman daripada Parti Komunis Malaya (PKM), maka British dan Dato Onn Jaafar iaitu Ahli Dalam Negeri dan presiden UMNO pada masa itu cuba menyerapkan orang-

orang Cina ke dalam politik Tanah Melayu selepas 1949 (Rohani,2008). Sir Henry Gurney telah menjemput beberapa orang tokoh dari komuniti Cina dan mencadangkan mereka supaya mengadakan satu pertubuhan yang dapat menunjukkan bahawa PKM bukanlah pemimpin kaum Cina dan akhirnya membawa kepada penubuhan Malayan Chinese Association (MCA).

Penubuhan MCA ialah sebagai satu platform kepada masyarakat Cina untuk berpolitik dan bagi mengalihkan sokongan mereka daripada PKM. MCA ditubuhkan pada 27 Februari 1949 oleh Presiden pertamanya Tan Cheng Lock bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Cina yang lain seperti Leong Yew Koh dan Kolonel H.S Lee. Objektif utama untuk membentuk MCA adalah untuk menyatukan orang-orang Cina di Tanah Melayu, melindungi hak-hak dan kepentingan orang-orang Cina, memupuk dan memelihara hubungan kaum dan bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain untuk memperoleh kemerdekaan untuk Tanah Melayu (Ramlah Adam, 1999). Kempen-kempen untuk menarik ahli diketuai oleh presidennya sendiri dan kempen itu berjaya menarik hampir 200,000 ahli dan cawangan-cawangan MCA ditubuhkan. Penubuhan MCA ini telah membeberapa implikasi kepada pergerakan komunis.

MCA juga memainkan dua peranan iaitu pertama memberi kesempatan atau peluang kepada British untuk mendapatkan kerjasama daripada komuniti kaum Cina dalam usahanya menamatkan darurat. Hal ini dapat dilihat apabila rancangan Briggs iaitu memindahkan semua penduduk Cina ke penempatan baru berjaya, walaupun pada asalnya ada penduduk yang menentang rancangan ini, tetapi pihak British berjaya meyakinkan mereka dengan bantuan daripada pemimpin MCA. Peranan kedua MCA ialah memberi peluang kepada kaum Cina untuk mewujudkan satu perpaduan kearah memperbaiki status mereka melalui perlembagaan. Hal ini dapat dilihat apabila wang sebanyak 2.5 juta telah dapat dikumpulkan dari hasil jualan loteri yang bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup kampung-kampung Cina.

v) Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum

Pemberontakan bersenjata PKM telah membangkitkan masalah perkauman di Tanah Melayu. Pada masa itu, perhubungan antara orang Cina dengan orang Melayu masih renggang. Perasaan curiga-mencuriga dan pertentangan kaum masih berterusan. Ini memberi kesan penting kepada keadaan politik khususnya kerana ramai ahli PKM adalah orang Cina dan ramai orang Melayu pula memberi perkhidmatan kepada pasukan bersenjata kerajaan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa orang Melayu berperang dengan orang Cina dalam zaman Darurat ini. Masalah perkauman ini telah menggoncang kedudukan sosialpolitik Tanah Melayu. Memandang hal ini maka perlu diadakan kerjasama antara kedua-dua kaum ini supaya tidak timbul perasaan bimbang orang ramai.

Atas cadangan Sir Malcolm Macdonald, iaitu Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Asia Tenggara, dan usaha-usaha pemimpin-pemimpin pelbagai kaum seperti Dato Onn bin Jaafar, Datuk E.E.C. Thuraisingham dan Datuk Tan Cheng Lock telah membawa kepada penubuhan sebuah Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum pada awal tahun 1949. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merapatkan hubungan pelbagai kaum yang terdapat di Tanah Melayu khususnya kaum Cina dan kaum Melayu dengan harapan dapat memulihkan ketenteraman Tanah Melayu dengan cepatnya. Pertubuhan ini dipengerusikan oleh Datuk E.E.C

Thuraisingham merupakan satu percubaan untuk mewujudkan perasaan muhibah dan kerjasama di kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum.

Pada mulanya, usaha-usaha untuk mengikis perasaan perkauman adalah sukar tetapi akhirnya usaha ini telah berjaya. Ini jelas terbukti apabila berlakunya gabungan antara parti-parti politik yang berbeza kaum iaitu UMNO dan MCA dalam Parti Perikatan pada tahun 1952.

ANALISA RINGKAS PERANAN GURNEY DAN KESANNYA SEWAKTU DARURAT

Kejayaan Rancangan Briggs dan juga pelaksanaan Undang-Undang Darurat sewaktu pentadbiran Gurney telah banyak dipersoalkan bukan sahaja oleh penduduk Malaya tetapi juga oleh pihak berkuasa British di London. Samada ianya tidak difahami ataupun tidak diambil peduli, hakikat kebanyakan usaha Gurney tidak menunjukkan kejayaan dalam tempoh terdekat walaupun perancangan seperti Rancangan Briggs tidak dapat dinafikan adalah satu bentuk rancangan jangka panjang yang kejayaannya telah tertonjol kemudian. Biarpun begitu bukanlah semua usaha Gurney menemui kegagalan sebagaimana yang didakwa. Terdapat beberapa polisi beliau yang telah banyak mendapat kejayaan dan menyumbang kepada kekecewaan pihak PKM kemudiannya.

Undang-Undang Darurat 1948 yang antara lain telah mewujudkan skim mewajibkan pendaftaran kad pengenalan. Skim ini telah menyebabkan kemarahan pihak PKM, dimana dalam propaganda mereka menyamakan skim tersebut sebagai satu bentuk kearah mewujudkan öskim Kerahan Tenagaö secara paksa oleh kerajaan British terhadap penduduk Malaya dimasa depan. Program ini bermula pada bulan Julai dan berakhir lapan bulan kemudian. PKM sedaya upaya menghalang proses pelaksanaan skim ini dengan menyerang pasukan pegawai kerajaan yang bertanggungjawab dan juga rakyat yang menyahut seruan kerajaan. Ianya merupakan satu pengalaman pahit buat Gurney apabila ramai orang awam terkorban dalam usahanya ini, tetapi secara keseluruhannya ianya adalah satu polisi yang amat berjasa dalam usaha menunjukkan siapa rakyat yang sebenar dan siapakah penganas komunis.

Gurney juga berjaya dalam rancangan penempatan semula beliau biarpun ini hanya dikecapi agak lewat. Rancangan ini secara umumnya telah siap dua pertiga dari apa yang dirancangan bermula pada tahun 1951. Keberkesanan rancangan ini amat dirasai dan diakui oleh PKM yang merasa terhimpit kerana kekurangan sumber bekalan makanan. Ini kerana sebelum wujudnya rancangan penempatan ini sumber bekalan ubat dan makanan diperolehi dari golongan setinggan yang memenuhi pinggir-pinggir bandar. Biarpun masih ada sumber bekalan ubat dan makanan yang diseludup keluar, tetapi ia pada kebiasaannya akan dapat dikesan oleh pihak yang berkuasa. Ini kemudiannya lebih berkesan apabila pengenalan kepada gerakan kelaparan atau sistem catuan makanan dibuat yang mengakibatkan pihak PKM semakin terasing dan terdesak dari segi sumber makanan. Keadaan bertambah buruk apabila pihak PKM yang terpaksa bergantung dengan Orang Asli dan sumber makanan yang ditanam di hutan telah turut terhimpit akibat kesan penempatan semula masyarakat Orang Asli oleh pihak British.

Suasana semakin tertekan buat PKM apabila pasukan keselamatan semakin kuat menekan kedudukan mereka. Penggunaan kapal terbang dan helikopter dan operasi udara oleh Pasukan Tentera Laut Diraja dan Tentera Udara Diraja mengakibatkan pihak PKM semakin jauh masuk ke dalam hutan dan semakin dihampiri. Kompeni Polis Hutan juga semakin Berjaya sebagaimana dilaporkan (Stockwell, 1995).

Manakala dari sudut politik, Gurney telah berjaya merangsang kepada penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) dalam usaha kerajaan memujuk dan memikat sokongan dari penduduk Cina Malaya. Ini penting kerana PKM merupakan parti yang didominasi oleh orang Cina. MCA merupakan pilihan yang dicipta oleh pihak British kepada penduduk Cina Malaya. Ditubuhkan secara rasmi pada 27 Februari 1950 sebagaimana dilaporkan Gurney dalam telegramnya kepada JJ Paskin, Pembantu Setiausaha Rendah Tanah Jajahan (Stockwell, 1995).

Impak dari usaha Gurney biarpun tidak banyak tapi cukup member tekanan kepada pihak PKM dan gerilanya. Kekecewaan dan tekanan ini kemudiannya telah mengakibatkan kepada pembunuhan Gurney pada 6 Oktober 1951, genap tiga tahun pelantikan beliau sebagai Pesuruhjaya Tinggi British. Beliau telah dibunuh oleh sekumpulan gerila PKM yang diketuai Siu Mah di persimpangan jalan di Jalan Bukit Fraser, 40 batu di utara Kuala Lumpur. Tragedi malang ini kemudiannya diikuti dengan pengunduran diri General Harold Briggs pada bulan November kerana masalah kesihatan dan ini diikuti pula pada Januari 1952 dengan perletakan jawatan Pesuruhjaya Polis, Kolonel W.N. Gray. Pada hakikatnya ia merupakan saat yang sangat kritikal buat pentadbiran British di Malaya dikala kebanyakan polisi dan program yang dijalankan sedang membuahkan hasil.

Secara umumnya, kebanyakan usaha Gurney amat bermakna kepada keseluruhan usaha penentangan terhadap PKM dan Gurney seharusnya diakui amat berjaya membuka jalan kepada penamatan darurat di Tanah Melayu. Rancangan Penempatan Semula pada hakikatnya biarpun agak perlahan dari segi kemajuannya tetapi apabila ianya membuahkan hasil, pihak PKM amat terhimpit dan tertekan. Kesan dari proses pengasingan masyarakat setinggian yang menjadi nadi kepada Min Yuenö , ditambah pula dengan operasi gerakan kelaparan menyebabkan pihak PKM semakin lemah. Maka oleh itu biarpun Gurney tidak berkesempatan melihat kemajuan usahanya, beliau telah berjaya menyumbang jalan kepada kekalahan PKM. Inilah yang telah difokuskan Karl Hack. Ia melihat kepada idea 'population control' yang telah diperkenalkan sewaktu Rancangan Briggs dan pentadbiran Gurney. Pada pandangannya penempatan semula dan 'population control' inilah yang telah menjadi faktor terpenting mengakhiri darurat (Hack : 1999). Hack membuka perdebatan dengan merujuk peranan pentadbiran Gurney yang padanya sangat tidak bernasib baik oleh kerana sebab-sebab tertentu. Antaranya pada waktu beliau mengambil alih pentadbiran, PKM sedang berada di kemuncak kekuatannya dan baru sahaja melancarkan polisi baru pemberontakan bersenjata dari polisi agitasi. Beliau juga menghadapi masalah besar kewujudan setinggian dan cara untuk mengurusnya. Rancangan Briggs telah dikritik kerana terlalu lambat kemajuan perlaksanaannya, tetapi pada hakikatnya ia lambat kerana kelemahan dan beban besar dari projek penempatan semula itu sendiri. Kekurangan kawat duri, kos penempatan semula itu sendiri dan maklumbalas yang lambat dari masyarakat Cina untuk membantu kerajaan menentang PKM adalah antara beban yang ditanggung pentadbiran Gurney. Gurney sendiri tidak bernasib baik kerana kritikan yang diterima beliau, dan beliau sendiri terkorban pada saat dan ketika jangkawaktu 'the stalemate' itu. Pihak British merasa kecewa dengan hasil

usaha mereka menentang PKM pada ketika itu, Manakala PKM mulai menyedari kesilapan mereka dan mereka dalam keadaan tewas, mereka kemudiannya telah memperkenalkan polisi baru pada Oktober 1951. Oleh kerana sistem maklumat yang perlahan untuk penyebaran 'October Directive 1951' maka pembunuhan Gurney tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun menurut Hack, era Gurney telah membuka jalan kepada kejayaan Templer kemudian harinya. Menurut Hack, apa juga yang telah dilakukan dan dilaksanakan pada era Gurney telah memberi manfaat kepada Templer kemudiannya.

KESIMPULAN

Pemberontakan bersenjata oleh PKM merupakan cabaran besar pada British dalam menghadapi ideologi Komunisme. Pada ketika yang sama berlakunya Perang Dingin dan kuasa-kuasa besar dunia telah berpecah kepada dua pakatan kuasa yang memperjuangkan ideologi Komunisme dan Demokrasi. Maka menjadi tanggungjawab kerajaan British di Tanah Melayu untuk membetulkan keadaan dengan memastikan kekuatan demokrasi barat dapat mengatasi kuasa kuku besi Komunisme. PKM yang baru mendapat Setiausaha Agung yang baru iaitu Chin Peng, sangat terangsang pada ketika itu dengan kejayaan Parti Komunis China di tanah besar China dan bercita-cita untuk menubuhkan Republik Soviet Malaya.. Justeru, keadaan sangat genting pada ketika itu bagi kedua-dua belah pihak. Kedatangan Sir Henry Gurney selama tiga tahun di Tanah Melayu telah membawa satu perubahan yang besar kepada sosial, politik dan ekonomi di Tanah Melayu. Kegiatan PKM juga dapat ditumpaskan sedikit demi sedikit. Walaubagaimanapun Gurney telah dibunuh oleh PKM semasa pulang dari Bukit Fraser dan beliau telah digantikan oleh Sir Gerald Templer. Secara umumnya, kebanyakan usaha Gurney amat bermakna kepada keseluruhan usaha penentangan terhadap PKM dan Gurney seharusnya diakui amat berjasa membuka jalan kepada penamatan darurat di Tanah Melayu. Rancangan Penempatan Semula pada hakikatnya biarpun agak perlahan dari segi kemajuannya tetapi apabila ianya membuahkan hasil, pihak PKM amat terhimpit dan tertekan. Kesan dari proses pengasingan masyarakat setinggian yang menjadi nadi kepada 'Min Yuen', ditambah pula dengan operasi gerakan kelaparan menyebabkan pihak PKM semakin lemah. Maka oleh itu biarpun Gurney tidak berkesempatan melihat kemajuan usahanya, beliau telah berjaya menyumbang jalan kepada kekalahan PKM sekaligus membuka jalan kepada kerajaan untuk menumpukan perhatian yang lebih kepada usaha-usaha pembangunan politik, ekonomi dan sosial di negara ini yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan.

BIBLIOGRAFI

- British Documents on the End of Empire, Malaya : The Communist Insurrection 1948 - 1953 (Part Two) (1995). Edited By A J Stockwell , Series B Volume 3 , HMSO, London.
- British Documents on the End of Empire, Malaya : The Alliance Route to Independence 1953 - 1957 (Part Three) (1995). Edited By A J Stockwell, Series B Volume 3, HMSO , London.
- Barber, Noel (1972). *The War of The Running Dogs : How Malaya Defeated The Communist Guerillas, 1948 - 1960*. William Calling Son and Co. Ltd. Glasgow.
- Cheah Boon Kheng (1979). *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya 1945-48*. Times Books International, Singapore.

- Cheah Boon Kheng (1983). *Red Star Over Malaya : Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941- 1946*. Singapore University Press, Singapore.
- Chin, Aloysius (1995). *The Communist Party of Malaya : The Inside Story*. Vinpress , Kuala Lumpur.
- Cloake, John (1985). *Templer, Tiger of Malaya : The Life of Field Marshall Sir Gerald Templer*. Harrap, London.
- Clutterbuck, Richard Lewis (1967). *The Long, Long War : The Emergency in Malaya 1948-1960*. Cassell, London.
- Coates, John (1992). *Suppressing Insurgency : An Analysis of the Malayan Emergency (1948 - 1954)*. Westview Press, Boulder, Oxford.
- Gullick, John (1981). *Malaysia : Economic Expansion and National Unity*, Earnest Benn Limited, London.
- Hack, Karl (2001). *Defence and Decolonisation in South East Asia Britain, Malaya and Singapore, 1941-1968*. Surrey Curzon, Richmond.
- Hanrahan, Gene Z (1971). *The Communist Struggle in Malaya*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Ho Hui Ling (2005). Darurat Di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan Umum. Kertas Kerja Kolokium Sejarah Darurat, 1948-1960. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jackson, Robert (1991). *The Malayan Emergency : The Commonwealth's Wars 1948-1966* , Routledge, London.
- Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang (Ed) (1984). *Darurat 1948-1960*. Muzium Angkatan Tentera, Kuala Lumpur.
- Miller, Harry (1954). *Menace in Malaya* . George G. Harrap and Co. Ltd. , London.
- Miller, Harry (1972). *Jungle War in Malaya : The Campaign Against Communism 1948 - 1960*. Arthur Barker Limited, London.
- Mohd Reduan Haji Asli (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis Di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, Kuala Lumpur.
- O'Ballance, Edgar (1966). *Malaya : The Communist Insurgent War 1948 -1960*. Archon Books , Connecticut.
- Osman Mamat (1981). Darurat Di Terengganu 1948-1960: Beberapa Aspek Sosial dan Ekonomi. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Purcell, Victor (1955). *Malaya: Communist or Free ?* . Victor Gollancz Ltd., London.
- Pye, Lucian W (1956). *Guerilla Communism in Malaya : Its Social and Political Meaning*. Princeton University Press, Princeton, New Jersey.
- Pye, Lucian W (1964). *Guerilla Communism in Malaya*. Oxford University Press, London.
- Ramlah Adam, 1999. *sumbanganmu dikenang*, Dewan Bahas Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Short, Anthony (1977). *The Communist Insurrection in Malaya 1948 - 1960*. Frederick Muller Limited, London.
- Smith, E. D. (1985). *Counter - Insurgency Operations 1 : Malaya and Borneo* . Ian Allan Limited, London.
- Stubbs, Richard. ÷ The United Malays National Organization, The Malayan Chinese Association and the early years of the Malayan Emergency, 1948-1955ø Journal of South East Asian Studies, Vol 10, No.1, 1979.
- Stubbs, Richard (1989). *Hearts and Minds in Guerilla Warfare : The Malayan Emergency 1948 - 1960* . Oxford University Press, Oxford .

Tunku Abdul Rahman Putra (1970). *Malaysia : The Road to Independence*.
Publications, Kuala Lumpur.

Pelanduk

icops2010